

**PERUTUSAN  
DATUK JAMIL BIN SALLEH  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
BULAN MEI 2015**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita masih lagi diberi kecerdasan akal fikiran serta kekuatan fizikal untuk terus berusaha memartabatkan pembangunan belia negara dan pada masa yang sama tidak ketinggalan untuk memajukan industri sukan negara.

**Kedudukan Ekonomi Negara**

Secara sedar atau tidak kini telah lima (5) bulan kita menerokai tahun 2015, walau pun tahun ini penuh dengan cabaran dengan ketidak tentuan beberapa sektor ekonomi tetapi berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2014, ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya saing dan berada pada landasan kukuh untuk mencatat pertumbuhan antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun 2015. Meskipun berdepan ketidak tentuan luaran, ekonomi negara masih mampu mencatatkan pertumbuhan purata tahunan kukuh sekitar 5.0 peratus dalam tempoh hampir sedekad.

Untuk makluman jua, pada tahun 2014 ekonomi negara adalah antara ekonomi yang berkembang pesat di rantau Asia dengan mencatatkan

pertumbuhan kukuh 6.0 peratus, dipacu permintaan domestik serta kemajuan dalam perdagangan luar. Alhamdulillah, dengan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, Negara kita masih lagi mengekalkan momentum positif ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.

## **CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)**

Seperti kita sedia maklum, bermula 1 April 2015 yang lepas, pelaksanaan Cukai barangan dan Perkhidmatan (GST) telah berkuat kuasa. GST merupakan satu sistem percukaian adil kerana ia mengagihkan beban percukaian dalam kalangan kelompok penduduk secara lebih meluas berdasarkan jumlah penggunaan serta menetapkan jenis dan kuantum cukai yang perlu dibayar seseorang pengguna bagi barangan dan perkhidmatan yang digunakannya.

Ketika ini, negara terlalu bergantung pada cukai pendapatan individu dan badan korporat. Dengan jumlah 30 juta penduduk Malaysia hanya tidak sampai dua juta adalah pembayar cukai pendapatan. Dengan sistem percukaian GST penduduk yang berpendapatan rendah hanya membayar jumlah minimum, memandangkan mereka menggunakan barangan dan perkhidmatan perlu sahaja seperti makanan, pengangkutan dan pendidikan, yang mungkin sifar kadarnya dan pengguna tidak perlu membayar cukai tambahan.

Cukai dikenakan terhadap mereka yang mampu berbelanja sahaja. Memandangkan golongan lebih berada dan kaya menggunakan lebih banyak barangan dan perkhidmatan, maka secara automatik, merekalah yang paling banyak dikenakan cukai di bawah GST, bukan golongan berpendapatan rendah. Namun begitu, dalam memastikan rakyat tidak tertindas dengan sikap peniaga yang menaikkan harga barangan atas alasan GST, Kerajaan telah menubuhkan 2 buah Call Centre yang beroperasi 24 jam dikendalikan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KASTAM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Call Centre yang dikendalikan oleh KASTAM akan menguruskan pertanyaan mengenai perniagaan manakala Call Centre yang dikendalikan oleh KPDNKK akan menguruskan pertanyaan mengenai barangan yang dikenakan GST. Jika ada sebarang pertanyaan atau aduan terhadap pelaksanaan GST maka sewajarnya kita salurkan menerusi call center tersebut dan bukannya menerusi cara dan kaedah lain yang melanggar undang-undang negara sedia ada.

## **FESTIVAL BELIA PUTRAJAYA**

Bagi KBS pula, bulan Mei setiap tahun sentiasa dinantikan kerana Sambutan Hari Belia Negara (HBN) akan disambut pada bulan ini iaitu seperti mana yang telah digazetkan oleh kerajaan pada setiap 15 Mei dan selain itu, untuk tahun ini Festival Belia Putrajaya (FBP) juga akan

diadakan mulai 22 hingga 24 Mei 2015. Kedua-dua sambutan ini memberi erti yang sangat signifikan kepada kita kerana menerusi penganjuran HBN dan FBP segala usaha-usaha KBS untuk merakyatkan agenda pembangunan belia akan dapat direalisasikan.

Menerusi penganjuran program seumpama ini yang diadakan secara tahunan ia memberi bukti jelas bahawa pembangunan belia sentiasa mendapat perhatian dan pengiktirafan daripada kerajaan. Bagi tahun ini strategi penganjuran yang akan dizahirkan adalah :

- i. Merealisasikan konsep dari belia untuk belia kepada belia;
- ii. Menyerlahkan bakat dan potensi belia;
- iii. Penganjuran menyeluruh di peringkat negeri; dan
- iv. Memperkukuhkan jalinan kolaborasi dan kerjasama bersama dengan pertubuhan belia

Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa semua usaha-usaha yang kita akan laksanakan ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan dokongan daripada semua 'Team KBS'. Oleh itu, marilah kita bersama-sama atas nama dan semangat 'Team KBS' tersebut untuk bersatu hati dan jiwa bagi berusaha memastikan penganjuran Festival Belia Putrajaya tahun 2015 adalah merupakan sambutan terbaik yang pernah kita anjurkan. Saya juga yakin dan percaya bahawa penganjuran yang sempurna tanpa sebarang isu dan permasalahan

sudah tentu akan memberi imej dan persepsi yang baik terhadap KBS.

Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Belia Negara 2015 dan semoga kita semua terus sukses dalam membangunkan belia negara sama ada dalam sektor pembangunan latihan kemahiran, pengisian gaya hidup dan kepimpinan serta keusahawanan.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih

**DATUK JAMIL BIN SALLEH  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
MALAYSIA**